
	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 1 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

PROSEDUR PENGURUSAN KONTRAKTOR

MASTER COPY


Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
		
Nama : ChM Nurul Atikah bt Mohd Amin	Nama : Dr. Mohd Fa'iz bin Ahmad	Nama : PM Dr Mohamad Wijayanuddin bin Ali
Tarikh : 15 September 2022	Tarikh : 15 September 2022	Tarikh : 15 September 2022

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 2 of 22
			Versi : 01
		Tarikh : 15 September 2022	

SEJARAH DOKUMEN

Versi	Tarikh	Deskripsi	Disediakan	Disemak	Disahkan
00	01/12/2020	Dokumen baharu	Dr Mohd Fa'iz Ahmad	PM Dr Mohamad Wijayanuddin Ali	PM Dr Mohamad Wijayanuddin Ali
01	15/09/2022	Semakan	ChM Nurul Atikah Mohd Amin	Dr Mohd Fa'iz Ahmad	PM Dr Mohamad Wijayanuddin Ali


MASTER COPY

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 3 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
1. Tujuan	4
2. Skop	4
3. Rujukan	4
4. Definisi	5
5. Tanggungjawab dan Bidang Kuasa	8
6. Peraturan	12
7. Borang & Lampiran	22
8. Rujukan Fail Induk (UTM-OSHE)	22

MASTER COPY

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 4 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

1.0 TUJUAN


- 1.1 Bagi menentukan keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi pemantauan dan pengawalan kontraktor.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini digunapakai bagi semua kontraktor lantikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau lantikan Seksyen Projek dan Penyenggaraan (SPP), Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor Pembangunan, yang menjalankan kerja-kerja pembekalan, pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan pelupusan di Universiti Teknologi Malaysia

3.0 RUJUKAN


- 3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- 3.2 Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)
- 3.3 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- 3.4 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)
- 3.5 Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678)
- 3.6 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) A1568 (Pindaan 2018)
- 3.7 Uniform Building by Law (UBBL) Pindaan 2018
- 3.8 Akta Racun 1952 (Akta 336)
- 3.9 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)
- 3.10 Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302)
- 3.11 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)
- 3.12 Pekeliling Tanggungjawab Kontraktor CIDB Bil 01/2014
- 3.13 Surat Arahan KPKR Bil 01/2014 – Jabatan Kerja Raya Malaysia
- 3.14 Kanun Keseksaan (Akta 574)
- 3.15 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- 3.16 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 5 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022


4.0 DEFINISI

Bil	Terma	Penerangan
1	CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i> Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
2	EQA 1974	<i>Environmental Quality Act</i> Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
3	FMA1967	<i>Factory and Machinery Act</i> Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139)
4	HIRARC	<i>Hazard Identification, Risk Analysis, Risk Control</i>
5	HSEA	<i>Health, Safety & Environmental Advisor</i> PTJ/JHB
6	Jentera	Berdasarkan definisi FMA 1967 Termasuk dandang stim, tangki tekanan tanpa penunu, tangki tekanan dengan penunu, talian paip, trak, silinder gas, bekas gas, jentera mengangkat dan takal mengangkat, jentera pemancar, jentera bergerak, peralatan pengendalian bahan-bahan, alat hiburan atau mana-mana jentera sama yang lain dan apa-apa peralatan bagi menuang, memotong, mengimpal atau pemendapan elektro bahan-bahan atau bahan lain bahan-bahan dan bagi penyemburan dengan menggunakan gas termampat atau udara dari bahan-bahan atau bahan lain bahan-bahan tetapi tidak termasuk : a) Mana-mana jentera yang digunakan bagi mendorong kenderaan selain dari dandang stim atau enjin stim b) Mana-mana jentera yang digerakkan oleh kuasa orang selain dari jentera mengangkat; atau c) Jentera pejabat
7	JKKP	Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
8	JHA	<i>Job Hazard Analysis</i>
9	Kategori Perolehan Universiti	Termasuk kesemua kategori yang dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.
10	Kerja Pembinaan	Kerja Pembinaan sepertimana yang ditakrif di bawah Kerja Pembinaan Kejuruteraan – FMA 1967 Pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyelenggaraan, pembaharuan, penyingkiran, pengubahsuaian, perubahan, pembukaan atau perobohan bagi: (a) mana-mana pembinaan, bangunan besar, struktur, kaisan, tiang, menara, pylon, dinding, pagar atau cerobong, samada dibina secara keseluruhan atau sebahagiannya di atas atau di bawah aras tanah;

		<p>(b) mana-mana kerja jalan, dok, kerja-kerja pelabuhan, kereta api, landasan sisi, laluan kabel, landasan trem, pelayaran darat, lapangan udara atau lapangan terbang kecil;</p> <p>(c) mana-mana sistem saliran, pembetungan, kerja-kerja kumbahan, pengairan, kerja-kerja mengawal sungai, kerja melindungi laut atau struktur tembok penahan bumi;</p> <p>(d) mana-mana kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau;</p> <p>(e) mana-mana kerja jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, perparitan, akueduk, pembetung, penggerak, syaf, terowong atau penebusgunaan</p> <p>dan termasuklah:</p> <p>(aa) mana-mana kerja pembentukan, penyangga sementara, perancah, atau mana-mana kerja yang membentuk suatu bahagian penting bagi, atau adalah sebagai persediaan kepada atau secara sementara kepada, kerja-kerja yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hingga (e);</p> <p>(bb) pembersihan tapak, pemeriksaan dan pembaharuan tanah, pergerakan tanah, penggalian, penyediaan asas, membaik pulih tapak dan landskap; dan</p> <p>(cc) kerja-kerja selain demikian sebagaimana yang boleh dinyatakan oleh Menteri.</p>
11	KKP	Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
12	Kontraktor	Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang melaksanakan kerja-kerja pembekalan, pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan pelupusan di dalam kawasan UTM.
13	NOI	<i>Notice of Improvement</i> Notis Penambahbaikan Kontraktor
14	NOP	<i>Notice of Prohibition</i> Notis Berhenti Kerja Kontraktor
15	OSHA 1994	<i>Occupational Safety and Health Act 1994</i> Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
16	Penyelia Projek	Ketua PTJ/JHB yang dilantik dan diberikan kuasa dimana Pesanan Tempatan dikeluarkan di atas nama PTJnya.
17	PMA	Permit Mesin Angkat yang sah tempohnya dan dikeluarkan oleh JKKP (selain daripada mesin angkat menggunakan tangan) seperti lif penumpang/barang, <i>scissor lift</i> , <i>sky lift</i> atau sebagainya.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 7 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

18	PMD	Permit Mesin Dandang yang sah tempohnya dan dikeluarkan oleh JKPP seperti <i>boiler, autoclave</i> dan sebagainya
19	PMT	Permit Mesin Tekanan yang sah tempohnya dan dikeluarkan oleh JKPP seperti <i>air compressor, vessel</i> bertekanan di luar tekanan atmosfera dan sebagainya.
20	PPE	<i>Personal Protective Equipment</i> Peralatan Perlindungan Diri
21	PTJ	Pusat Tanggungjawab - merujuk kepada semua Fakulti, Sekolah, Pejabat, Makmal, Bengkel, Pusat dan Unit di UTM
22	PTW	<i>Permit To Work</i> Permit Melaksanakan Kerja di UTM
23	SPP	Seksyen Projek dan Penyenggaraan (SPP), Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor Pembangunan
24	UTM	Universiti Teknologi Malaysia
25	UTM-OSHE	<i>Occupational Safety, Health and Environmental Office UTM</i> Pejabat Persekitaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UTM
26	SOP	<i>Safe Operating Procedure</i> Prosedur Kerja Selamat
27	Wakil Penghuni Premis	Ketua PTJ atau wakilnya yang diberikan kuasa dimana kawasan kontraktor melaksanakan kerja di PTJnya


	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 8 of 22
			Versi : 01
		Tarikh : 15 September 2022	

5.0 TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG KUASA

Bil.	Pihak	Tanggungjawab dan Bidang Kuasa
5.1	Kontraktor	<ul style="list-style-type: none"> i. Memahami dan mematuhi keperluan yang telah dinyatakan di dalam prosedur ini. ii. Mematuhi semua perundangan yang dinyatakan di dalam klausa 3.1 – 3.16 dan sebarang perundangan yang berkaitan dengan operasi UTM. iii. Memastikan keselamatan, kesihatan dan perlindungan kepada pekerja, harta benda dan alam sekitar termasuk bagi pihak UTM dalam menjalankan sebarang kerja di dalam UTM. iv. Memastikan semua pekerjanya telah diberikan penerangan yang sewajarnya berkaitan prosedur ini dan aspek pencegahan kemalangan di tempat kerja. v. Sekiranya terdapat penggunaan bahan kimia, Helaiian Keselamatan Bahan Kimia (<i>Safety Data Sheet-SDS</i>) hendaklah disimpan di tapak kerja dan bahan tersebut hendaklah disimpan dengan baik. vi. Memastikan semua pekerja mempunyai Kad Hijau CIDB yang sah tempohnya bagi kerja pembinaan. vii. Membekalkan PPE yang wajar kepada pekerja. ix. Sekiranya terdapat penggunaan jentera yang memerlukan perakuan kelayakan seperti PMA/ PMD/ PMT, perakuan tersebut hendaklah dipamerkan pada/berhampiran jentera itu dan ia hendaklah masih sah tempohnya. x. Mengambil tindakan yang wajar dan setakat yang praktik ke atas nasihat atau laporan bulanan KKP yang dikemukakan oleh Penyelia Keselamatan Tapak Bina (jika ada). xi. Mengambil tindakan yang wajar dan setakat yang praktik ke atas NOP, NOI atau teguran berkaitan KKP yang dikeluarkan sama ada oleh HSEA (SPP/PTJ) atau Pihak Pejabat OSHE. xii. Sekiranya terdapat penggunaan perancah yang ketinggiannya melebihi tiga belas (13) kaki, ianya hendaklah dipasang dan diperiksa oleh <i>scaffolder</i> dan <i>scaffolding inspector</i> yang diiktiraf oleh JKKP sahaja. xiii. Memastikan sebarang jentera yang dibekalkan kepada PTJ yang tertakluk kepada perakuan kelayakan JKKP hendaklah didaftarkan dengan pihak JKKP sehingga mendapat kelulusan pendaftaran sama ada PMA/PMD/PMT.


5.2	Pengurus/Penyelia Kontraktor	<ol style="list-style-type: none"> i. Melengkapkan Borang Perisytiharan Kontraktor. (UTMOSHE-P0912-F01-BPK) ii. Sentiasa menunjukkan teladan/ccontoh yang baik bagi semua pekerja di bawah seliaannya dalam menggalakkan dan memastikan kepatuhan kepada prosedur ini. iii. Membekalkan informasi dan arahan yang mencukupi kepada pekerja yang merangkumi sekurang-kurangnya aspek berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Langkah pencegahan kemalangan bagi setiap kerja. b. Menyediakan JHA / HIRARC dan SOP kerja c. Penggunaan PPE yang bersesuaian dengan kerja. d. Pengendalian peralatan, perkakasan, jentera dan bahan kimia dan pelupusan sisa. e. Prosedur kecemasan dan tempat berkumpul. f. Peraturan keselamatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan UTM. iv. Memastikan langkah-langkah keselamatan telah diambil dengan secukupnya bagi kerja yang dilakukan dan semua langkah-langkah/prosedur ini telah difahami dan dipatuhi. v. Semua peralatan, perkakasan dan jentera yang dibawa masuk ke dalam UTM hendaklah berada di dalam keadaan baik dan mematuhi sebarang piawaian yang berkaitan. vi. Memastikan semua kejadian nyaris, kerosakan harta benda, kemalangan rawatan awal, kehilangan masa kecederaan dilaporkan kepada Pengurus Projek SPP/PTJ dalam tempoh 24 Jam. vii. Menasihati majikannya (kontraktor) berkaitan aspek KKP seperti langkah pencegahan kemalangan, penggunaan PPE dan sebagainya. viii. Melaksanakan <i>toolbox meeting</i> sekurang-kurangnya seminggu sekali. ix. Sekiranya terdapat Penyelia Keselamatan Tapak Bina yang dilantik, dia hendaklah memasukkan maklumat KKP yang dirancang atau telah dilaksanakan kedalam Laporan Kemajuan Tapak/Bulanan yang mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Langkah pencegahan dan kawalan risiko yang dilaksanakan (JHA / HIRARC) b. Sesi <i>toolbox</i> c. Statistik Insiden
5.3	Pengurus Projek SPP (Jika PTW diluluskan SPP) ATAU Pengurus Projek PTJ (Jika PTW diluluskan PTJ) Untuk kos kerja yang kurang daripada RM20,000 sahaja.	<ol style="list-style-type: none"> i. Mengesahkan PTW. ii. Meluluskan pelanjutan tempoh permit kerja (jika berkaitan) iii. Meluluskan permohonan kerja diluar waktu pejabat. oleh kontraktor

5.4	HSEA SPP/PTJ	<ul style="list-style-type: none"> i. Meluluskan PTW. ii. Memastikan pelaksanaan, pematuhan dan penguatkuasaan prosedur ini. iii. Memberi Taklimat Keselamatan (<i>Safety Briefing</i>) kepada Pengurus/Penyelia Kontraktor, Penyelia Keselamatan Tapak Bina, dan Kontraktor yang dilantik. iv. Mengeluarkan NOP ke atas mana-mana aktiviti yang berisiko tinggi yang dilaksanakan tanpa langkah kawalan yang wajar. (UTMOSHE-P0912-F04-NOP) v. Mengeluarkan NOI ke atas aktiviti berisiko yang dilaksanakan oleh Kontraktor tanpa kawalan risiko yang wajar dan berpotensi menyebabkan kemalangan seperti kecederaan, kerosakan harta benda, pencemaran alam sekitar atau kombinasinya. (UTMOSHE-P0912-F05-NOI) vi. Menutup NOP yang dikeluarkan ke atas kontraktor setelah berpuas hati dengan tindakan pembetulan yang diambil. vii. Menilai kepatuhan kontraktor terhadap aspek KKP di tapak kerja. (UTMOSHE-P0912-F03-WEC)
5.5	Wakil Penghuni Premis	<ul style="list-style-type: none"> i. Memantau pelaksanaan kerja yang selamat dan sihat oleh kontraktor di premis PTJ. ii. Memberikan teguran kepada kontraktor ke atas mana-mana keadaan atau perlakuan tidak selamat oleh kontraktor iii. Membuat laporan kepada HSEA (SPP/PTJ) atau UTM-OSHE berkaitan ketidakpatuhan kontraktor kepada prosedur. iv. Dilantik dalam kalangan Wakil Majikan / Wakil Pekerja (jika wujud struktur JKPP di PTJ)
5.6	UTM-OSHE (Pejabat OSHE)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyemak dan memantau dokumen yang disediakan oleh kontraktor. (UTMOSHE-P0912-F06-SSP) ii. Menilai kepatuhan kontraktor terhadap aspek KKP di tapak kerja. (UTMOSHE-P0912-F03-WEC) iii. Mengeluarkan NOP ke atas mana-mana aktiviti yang berisiko tinggi yang dilaksanakan tanpa langkah kawalan yang wajar. (UTMOSHE-P0912-F04-NOP) iv. Mengeluarkan NOI ke atas mana-mana aktiviti berisiko yang dilaksanakan oleh Kontraktor tanpa kawalan risiko yang wajar dan berpotensi menyebabkan kemalangan seperti kecederaan, kerosakan harta benda, pencemaran alam sekitar atau kombinasinya. (UTMOSHE-P0912-F05-NOI) v. Menutup NOP yang dikeluarkan ke atas kontraktor setelah berpuas hati dengan tindakan pembetulan yang diambil.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 11 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

5.7	Bahagian Keselamatan UTM	<ul style="list-style-type: none"> i. Memeriksa senarai pekerja, bungkusan, bahan, kelengkapan, perkakasan, peralatan, jentera, salinan PMA/PMT/PMD dan kenderaan bermotor oleh kontraktor yang memasuki UTM pada sebarang masa. ii. Menyemak permohonan bekerja di luar waktu rasmi yang telah diluluskan kepada kontraktor iii. Menyemak dan meluluskan permohonan penutupan laluan bermotor yang dipohon oleh kontraktor bagi kelancaran trafik
-----	--------------------------	---

MASTER COPY

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 12 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

6.0 PERATURAN

6.1 Umum

6.1.1 Kerja Pembinaan

6.1.1.1 Pendaftaran Personel Binaan (Kad Hijau CIDB)

Kontraktor hendaklah memastikan semua pekerjaanya yang melaksanakan projek di dalam UTM mempunyai Kad Hijau CIDB yang ditetapkan oleh CIDB.

(Bahagian VII, Akta CIDB - Akreditasi Dan Pemerakuan Pekerja Binaan Mahir dan Penyelia Tapak Binaan)

6.1.1.2 Pendaftaran Tapak Bina dengan Pihak JKKP dan Pelantikan Penyelia Keselamatan Tapak Bina.

Bagi Kerja Pembinaan yang melebihi 6 minggu dan melibatkan penggunaan jentera, kontraktor hendaklah membuat pendaftaran tapak bina dengan JKKP dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari daripada permulaan projek dan seterusnya melantik Penyelia Keselamatan Tapak Bina bagi memantau KKP projek ini.

((Seksyen 35(1), Akta Kilang & Jentera 1967 – Operasi Pembinaan atau Kerja Pembinaan Kejuruteraan)

(Peraturan 25(1), Peraturan-Peraturan Kilang & Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja- Kerja Binaan Kejuruteraan)(Keselamatan))

6.1.1.3 Pelantikan Pegawai Keselamatan & Kesihatan

Bagi kerja pembinaan bernilai melebihi RM 20 juta, kontraktor wajib melantik Pegawai Keselamatan & Kesihatan sepenuh masa yang berdaftar dengan JKKP iaitu pemegang Buku Hijau JKKP bagi memantau pelaksanaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

(Perintah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan & Kesihatan) 1997))

6.1.1.4 Mematuhi Pekeliling Tanggungjawab Kontraktor CIDB Bil 01/2014

6.1.2 Pekerja Asing


Kontraktor hendaklah memastikan semua pekerja asing di bawah kawalannya yang melaksanakan kerja di UTM mempunyai Permit Kerja yang tulen, masih sah tempoh masanya dan sesuai dengan sektor yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

6.1.3 Merokok

Merokok adalah dilarang sama sekali di dalam kawasan UTM.


6.1.4 Papan Tanda Keselamatan

Kontraktor wajib mematuhi papan tanda keselamatan yang telah dipamerkan dan pengurus projek SPP/PTJ boleh mengkehendaki kontraktor untuk memasang sekurang-kurangnya satu (1) unit papan tanda keselamatan, bersaiz tidak kurang daripada A1 (841mm x 594mm)

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 13 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

dan menggunakan bahan yang teguh serta tidak terjejas oleh cuaca seperti perspex, kertas berlaminasi dan sebagainya bagi memastikan pihak lain mengambil tindakan wajar apabila mendekati atau berada di dalam kawasan kerja.

- 6.1.5 **Prosedur KKP**
Selain prosedur ini, kontraktor juga perlu mematuhi prosedur KKP lain yang dikeluarkan oleh UTM-OSHE atau pengurus projek SPP/PTJ dari semasa ke semasa.
- 6.1.6 **Kenderaan**
Kenderaan kontraktor hanya boleh memasuki UTM dengan kebenaran Bahagian Keselamatan UTM.
- 6.1.7 **Kerosakan**
Sekiranya kontraktor menyebabkan kerosakan kepada bangunan, fasiliti, landskap atau peralatan UTM, kerosakan tersebut hendaklah dilaporkan dalam tempoh 24 jam kepada pengurus projek SPP/PTJ atau Wakil Penghuni Premis. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan kerosakan tersebut dibaiki dengan seberapa segera mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak UTM dengan kosnya ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor.
- 6.1.8 **Pagar dan Kawalan**
Kontraktor perlu memasang pagar, papan sempadan atau pengadang terutamanya kerja pembinaan atau perobohan di kawasan sekelilingnya bagi memastikan tiada mana- mana pihak tidak berkaitan memasuki kawasan kerja.
- 6.1.9 **Penggunaan Harta Benda dan Kemudahan UTM**
Kontraktor dan pekerjanya adalah tidak dibenarkan untuk mengambil dan menggunakan harta benda atau kemudahan UTM tanpa kebenaran pengurus projek SPP/PTJ atau Wakil Penghuni Premis.
- 6.1.10 **Penilaian Risiko**
Kontraktor perlu membuat penilaian risiko dan mengambil tindakan kawalan yang sewajarnya bagi mencegah kemalangan di tempat kerja. Pengurus projek SPP/PTJ atau HSEA SPP/PTJ juga boleh mengarahkan kontraktor untuk menyediakan SOP dan *Job Hazard Analysis (JHA)* atau *HIRARC* sebelum sesuatu kerja berisiko dilaksanakan.
- 6.1.11 **Peti Pertolongan Cemas**
Kontraktor dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit peti pertolongan cemas yang lengkap dan kandungan di dalamnya tidak melebihi tarikh tamat tempohnya di kawasan kerja sebagai bantuan awal kepada pekerja sekiranya tercedera.
- 6.1.12 **Penutupan Laluan Kenderaan Bermotor**
Kontraktor hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Keselamatan UTM sebelum menutup mana-mana laluan bagi memastikan tiada masalah trafik berlaku.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 14 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

6.1.13 Laluan Kecemasan

Kontraktor perlu memastikan laluan kecemasan sedia ada tidak terhalang sama ada oleh peralatan dan bahan kerja. Sekiranya tidak dapat dielakkan, kontraktor perlu menyediakan cadangan laluan alternatif kecemasan kepada pengurus projek SPP/PTJ untuk kelulusan sebelum laluan asal boleh ditutup dan laluan alternatif dilaksanakan.

6.1.14 Peralatan Elektrik

6.1.14.1 Sebarang peralatan elektrik yang digunakan mestilah mempunyai kelulusan SIRIM dan hendaklah disambungkan kepada soket menggunakan palam yang turut mempunyai kelulusan SIRIM.

6.1.14.2 Semua bahagian peralatan elektrik yang boleh dicapai hendaklah mempunyai wayar bumi dan berpenebat.

6.1.14.3 Semua wayar mudah lentur, palam, soket dan penyambung wayar (*extension*) hendaklah dalam keadaan baik dan memenuhi piawaian.

6.1.14.4 Sesuatu litar elektrik terutamanya penggunaan penyambung wayar (*extension*) hendaklah tidak digunakan melebihi kapasiti yang dibenarkan.

6.1.14.5 Sebarang pendawaian elektrik kepada *Distribution Box*, *Sub Switch Board* atau seumpamanya hendaklah mendapat kelulusan daripada Unit Elektrik SPP

6.1.15 Peralatan Yang Memerlukan Perakuan Kelayakan dari JKKP


6.1.15.1 Mana-mana jentera kepunyaan kontraktor yang digunakan di dalam UTM yang memerlukan perakuan kelayakan PMT/PMD/PMA, kontraktor mesti memastikan peralatan ini mempunyai perakuan kelayakan yang sah sepanjang tempoh projek.

6.1.15.2 Sekiranya kontraktor ingin membawa masuk sebarang jentera mengangkat yang memerlukan PMA seperti kren, *skylift* dan sebagainya ke dalam UTM, kontraktor hendaklah menyerahkan salinan PMA dan sijil pengendali peralatan tersebut yang sah kepada Bahagian Keselamatan UTM di Pintu Utama UTM sebelum boleh dibenarkan beroperasi di dalam UTM.

6.2 PPE

6.2.1 Keperluan Mandatori

Semua pekerja kontraktor dikehendaki memakai PPE wajib seperti kasut keselamatan, topi keselamatan, pelindung mata keselamatan, sarung tangan (jenisnya bergantung kepada jenis pekerjaan) dan *safety vest* dengan *reflector* sepanjang masa berada di tapak kerja.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 15 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022


- 6.2.2 **Keperluan Tambahan**
Kontraktor hendaklah mematuhi sebarang keperluan PPE selain daripada yang dinyatakan di dalam 6.2.1 yang dinyatakan di dalam PTW sepanjang di tapak kerja serta bersesuaian dengan jenis dan risiko kerja.
- 6.2.3 **Pakaian/Peralatan Keselamatan.**
Kontraktor perlu membekalkan pakaian dan peralatan keselamatan yang diperlukan dan disahkan kepada pekerja mereka. UTM tidak bertanggungjawab membekalkan peralatan di atas atau memberi pampasan, kehilangan, kecederaan, ganti rugi dan sebagainya.

6.3 Kekemasan Tempat Kerja (*Housekeeping*)

- 6.3.1 **Tempat Kerja**
Pada setiap masa, tempat kerja mestilah dipastikan bersih dan bebas dari sisa kerja dan sampah. Bahan yang ditanggalkan atau lebihan bahan hendaklah dibuang di tempat yang betul dan tempat kerja hendaklah dipastikan bersih selepas kerja disiapkan. Tempat kerja juga hendaklah dipastikan tidak menjadi tempat tinggal atau pembiakan binatang buas, serangga perosak dan sebagainya yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia seperti nyamuk *aedes*, ular dan lain-lain.
- 6.3.2 **Penyimpanan**
UTM tidak bertanggungjawab sebarang kehilangan atau kerosakan. Kontraktor mestilah menyimpan semua bahan dalam keadaan kemas dan tersusun di tapak yang telah diarahkan oleh pengurus projek SPP/PTJ dan tidak boleh menyimpan bahan di dalam jarak 1.5m dari pagar atau membina sebarang struktur/binaan sementara atau tetap bagi tujuan ini.
- 6.3.3 **Sisa**
Sisa bahan, sampah atau lebihan (termasuk tanah, kayu, konkrit, logam, penebat, kertas dan sebagainya) yang terhasil dari kerja atau jatuh dari kenderaan mesti dibersihkan oleh kontraktor. Pembuangan mestilah dilakukan ditempat yang sesuai dan sah. Tong sampah UTM tidak boleh digunakan bagi tujuan pembuangan sisa oleh kontraktor.

6.4 Pelaksanaan Kerja

- 6.4.1 **Permulaan Kerja**
- 6.4.1.1 Kontraktor tidak dibenarkan memulakan kerja di tapak sehingga mendapat pengesahan PTW daripada pengurus projek SPP/PTJ dan kelulusan PTW daripada HSEA SPP/PTJ
- 6.4.1.2 Kontraktor hendaklah menyerahkan dokumen seperti dinyatakan di dalam Senarai Semak Pemantauan Dokumen Kontraktor (UTMOSHE-P0912-F06-SSP) kepada pihak UTM-OSHE selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas sesuatu kerja di tapak dilaksanakan.
- 6.4.2 **Mesin pengimpalan yang digunakan hendaklah dibekalkan bersama dengan sekurang- kurangnya satu (1) unit Pemadam Api Jenis Debu Kering, ABC (9 kg) atau satu (1) unit fire blanket. Alat pemadam api atau**


 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 16 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

fire blanket ini hendaklah mempunyai sijil perakuan bomba yang masih sah tempohnya dan berfungsi dengan baik.

- 6.4.3 Kontraktor tidak dibenarkan memasuki mana-mana ruang terkurung (*confined space*) tanpa pengesahan daripada pengurus projek SPP/PTJ dan kelulusan daripada HSEA SPP/PTJ. Sebarang kerja melibatkan ruang terkurung hendaklah mematuhi Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung yang dikeluarkan oleh JKKP.
- 6.4.4 Kontraktor tidak dibenarkan menggunakan sebarang peralatan pencegahan kebakaran (termasuk menggunakan air pili bomba atau alat pemadam api) tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada SPP kecuali semasa kecemasan berlaku.
- 6.4.5 Silinder yang mengandungi gas tidak boleh disimpan di bawah paip atau lintasan elektrik. Silinder ini mesti disimpan di dalam keadaan menegak semasa disimpan atau digunakan dan diikat dengan selamat sama ada kepada troli atau dinding.
- 6.4.6 Sekiranya kontraktor perlu membuat kerja di luar waktu kerja rasmi UTM, kontraktor perlu membuat permohonan kepada Pengurus Projek SPP/PTJ sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum kerja tersebut dilaksanakan. Kebenaran ini hendaklah ditampal bersama PTW sepanjang pelaksanaan kerja tersebut.
- 6.4.7 Sekiranya terdapat kerja yang melibatkan penggunaan perancah (*scaffolding*) yang ketinggiannya melebihi tiga belas (13) kaki, ianya hendaklah terlebih dahulu dipasang dan diperiksa oleh *scaffolder* dan *scaffolding inspector* yang diiktiraf oleh JKKP. Hanya perancah yang telah diperiksa dan diberikan tag oleh *scaffolding inspector* sahaja boleh digunakan.
- 6.4.8 Pihak UTM boleh mengarahkan kontraktor untuk mengisi PTW (Permit Khas) tambahan bagi kerja- kerja seperti berikut:
- a. Bekerja di tempat tinggi (melebihi ketinggian 10 kaki)
 - b. Kerja kimpalan (*hot work*)
 - c. Kerja di dalam ruang terkurung (*confined space*)
 - d. Kerja penggalian (*excavation*)
- 6.4.9 Permit khas pada 6.4.8 perlu mendapat pengesahan daripada pengurus projek SPP/PTJ dan kelulusan daripada HSEA SPP/PTJ

6.5 Kecemasan

- 6.5.1 Jika berlaku sebarang kecemasan seperti kebakaran, kemalangan besar, bencana alam dan sebagainya, pekerja kontraktor mesti melaporkan dengan segera kepada Pengurus Projek SPP/PTJ, HSEA SPP/PTJ, Wakil Penghuni Premis, UTM-OSHE dan Bahagian Keselamatan UTM.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 17 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

6.5.2 Pekerja kontraktor hendaklah berkumpul di tempat perhimpunan yang telah ditentukan oleh Pengurus Projek SPP/PTJ, Wakil Penghuni Premis atau tempat perhimpunan sedia ada di dalam UTM yang berhampiran dengan tapak kerja.

6.6 Peraturan Keselamatan (*Security Regulation*)

6.6.1 Pergerakan Peralatan

6.6.1.1 Peralatan/Perkakas/Bahan

Semua alat/perkakasan/jentera dan bahan (selain dari sampah yang dibuang) Hak Milik UTM yang ingin dibawa keluar dari UTM hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Pengurus Projek SPP/PTJ.

6.6.1.2 Kecurian

6.6.1.2.1 Pihak UTM tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti ke atas kecurian barangan kontraktor atau pekerjanya.

6.6.1.2.2 Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor membekalkan sebarang polisi perlindungan yang perlu sebagai tambahan kepada kawalan keselamatan yang telah dibekalkan oleh UTM.

6.6.1.2.3 UTM akan bekerjasama dalam siasatan bersama kontraktor bagi kes kecurian yang berlaku di dalam kawasan UTM.

6.6.1.2.4 Kecurian harta benda atau kenderaan kontraktor yang berlaku di dalam kawasan UTM mestilah dibuat laporan kepada pihak Bahagian Keselamatan UTM, sebelum dilaporkan kepada pihak polis.

6.7 Tingkah Laku / Situasi Yang Dilarang

6.7.1 Perjudian

Semua bentuk perjudian adalah dilarang di dalam kawasan UTM.

6.7.2 Minuman Keras


Sesiapa yang memiliki minuman yang memabukkan atau di bawah pengaruh alkohol adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan UTM.

6.7.3 Dadah

Penggunaan dadah terlarang merupakan kesalahan undang-undang dan boleh didakwa.

6.7.4 Pergaduhan

Pergaduhan antara pengurusan kontraktor atau pekerjanya adalah dilarang sama sekali.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 18 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022


- 6.7.5 Bahasa Kasar dan Gangguan
Penggunaan bahasa yang kasar dan gangguan dalam sebarang bentuk adalah tidak diterima dan tiada toleransi akan diberikan.
- 6.7.6 Tidak berkelakuan yang boleh mendatangkan kecederaan kepada kakitangan / pelajar / pihak berkepentingan (*stakeholders*) UTM ataupun orang awam di dalam premis UTM.
- 6.7.7 Tidak berkelakuan yang boleh mendatangkan kerosakan / kemusnahan / kerugian ke atas aset-aset ataupun harta benda UTM.
- 6.7.8 Tidak melanggar peraturan universiti dan polisi-polisi lain yang ditetapkan di dalam UTM.
- 6.7.9 Tidak merokok di dalam kawasan UTM
- 6.7.10 Tidak melakukan sebarang gangguan seksual dari segi perbuatan, tulisan atau lisan terhadap orang lain dan perlakuan tersebut tidak terhad di tempat kerja atau dalam waktu bekerja sahaja selagi ia memburukkan atau mencemarkan nama UTM.
- 6.7.11 Tidak melakukan apa-apa salah laku yang tidak selaras dengan pematuhan syarat- syarat perkhidmatan yang nyata atau tersirat.

6.8 Peralatan Yang Dilarang

- 6.8.1 Senjata Api dan Bahan Letupan
Senjata api dan bahan letupan dilarang dibawa masuk ke dalam kawasan UTM.
- 6.8.2 Kawalan Pintu
Bahagian Keselamatan UTM mempunyai hak untuk memeriksa bungkusan, perkakasan, peralatan, jentera dan kenderaan bermotor di dalam UTM pada sebarang masa. Ini termasuk semasa memasuki atau meninggalkan Pintu UTM.
- 6.8.3 Peraturan Keselamatan Tambahan
Kontraktor hendaklah mematuhi semua peraturan keselamatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Keselamatan UTM.

6.9 Peraturan Alam Sekitar

- 6.9.1 Umum
 - 6.9.1.1 Peraturan Dan Piawaian
Kontraktor hendaklah patuh kepada EQA 1974, peraturan dan piawaian yang berkaitan dengan alam sekitar semasa melakukan kerja di dalam kawasan UTM.
- 6.9.2 Bahan Buangan
 - 6.9.2.1 Bagi sisa yang dikelaskan sebagai buangan terjadual dalam EQA 1974, Kontraktor hendaklah memastikan ia dilupuskan

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 19 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

mengikut tatacara yang dinyatakan dalam akta tersebut iaitu dengan melupuskan sisa tersebut di premis yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

6.9.2.2 **Bahan Buangan Ke Udara**
Kontraktor hendaklah memastikan pelepasan atau bahan buangan ke udara seperti habuk, asap, wasap adalah diminimakan dan di dalam piawaian yang boleh diterima.

6.9.3 Bunyi Bising

6.9.3.1 Kerja bising

6.9.3.1.1 Kontraktor hendaklah memastikan bunyi bising yang dihasilkan dari sebarang kerja atau mesin yang digunakan di dalam had yang boleh diterima dan disahkan oleh piawaian iaitu tidak mencapai 82 dB(A) bagi bising harian, paras tekanan bunyi maksimum melebihi 115 dB(A) pada bila-bila masa, atau paras tekanan bunyi puncak melebihi 140 dB(C).

6.9.3.1.2 Kontraktor juga perlu meminimakan gangguan bunyi bising kepada penghuni bangunan dan kontraktor mungkin perlu membuat penjadualan semula kerja jika bunyi bising yang terhasil mengganggu aktiviti harian UTM.

6.9.3.1.3 Sekiranya penjadualan semula tidak praktikal, kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Wakil Penghuni Premis (jika berkaitan) mengenai tarikh dan masa kerja yang melibatkan bunyi bising akan dilaksanakan selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum kerja tersebut dilaksanakan bagi memastikan penghuni bangunan dapat mengambil tindakan yang wajar semasa kerja tersebut dilaksanakan.

6.9.3.2 Getaran

Mesin yang digunakan untuk sebarang kerja hendaklah tidak menghasilkan masalah getaran berlebihan yang berpotensi merosakkan struktur atau sebagainya.

6.9.4 Peraturan Alam Sekitar Tambahan


Kontraktor hendaklah patuh kepada peraturan alam sekitar yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6.10 Permit to Work (PTW)

6.10.1 PTW hanya perlu dipohon sekali sahaja sepanjang tempoh pelaksanaan kerja.

6.10.2 Pengesahan PTW oleh Pengurus Projek SPP/PTJ dan kelulusan PTW oleh HSEA SPP/PTJ

6.10.3 Kontraktor hendaklah memberikan salinan PTW yang telah diluluskan

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 20 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

kepada Pengurus Projek SPP/PTJ, UTM-OSHE, Bahagian Keselamatan UTM dan Wakil Penghuni Premis (jika berkaitan) selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum kerja tersebut dilaksanakan. Namun begitu, kontraktor digalakkan membuat pemakluman awal kepada Wakil Penghuni Premis bagi memastikan mereka dapat menyediakan rancangan alternatif sekiranya kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor memberi kesan kepada operasi PTJ.

- 6.10.4 PTW asal hendaklah di tampal di lokasi kerja iaitu ditempat yang mudah dilihat dan dilindungi menggunakan pembalut plastik yang bersesuaian agar tidak dirosakkan oleh cuaca dan sebagainya.
- 6.10.5 PTW ini boleh digantung sekiranya kontraktor gagal memenuhi syarat yang dinyatakan di dalam PTW ini atau melanggar mana-mana peraturan KKP sepanjang tempoh pelaksanaan kerja. Jika Notis NOP dikeluarkan, semua kerja perlu dihentikan sehingga Notis NOP ditutup.
- 6.10.6 HSEA SPP/PTJ atau Pihak UTM-OSHE diberikuasa untuk menarik semula penggantungan PTW (dengan menutup Notis NOP) setelah berpuas hati dengan langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor.
- 6.10.7 Pelaksanaan kerja hanya boleh dilaksanakan dalam tempoh masa sepertimana tercatat di dalam PTW. Selepas tempoh ini, semua kerja hendaklah dihentikan serta merta dan hanya boleh disambung semula selepas mendapat EOT (*Extension of Time*) daripada UTM. Permohonan EOT (jika berkaitan) perlu dibuat oleh kontraktor tiga (3) hari sebelum tempoh PTW asal tamat. Kelulusan EOT akan dikeluarkan oleh Pengurus Projek SPP/PTJ.

6.11 Notis


6.11.1 NOP

6.11.1.1 Notis ini boleh dikeluarkan oleh HSEA SPP/PTJ atau Pihak UTM-OSHE apabila mendapati pelaksanaan kerja oleh kontraktor adalah berisiko tinggi atau dikategorikan sebagai *Immediately Danger to Life or Health (IDLH)* tanpa langkah kawalan yang wajar seperti berikut:

6.11.1.1.1 Bekerja di tempat tinggi melebihi sepuluh (10) kaki tanpa menggunakan peralatan atau kemudahan pencegahan daripada terjatuh; atau

6.11.1.1.2 Penggunaan perancah yang ketinggiannya melebihi tiga belas (13) kaki yang tidak dipasang oleh *scaffolder* dan diperiksa oleh *scaffolding inspector* yang diiktiraf oleh JKKP; atau

6.11.1.1.3 Memasuki mana-mana ruang terkurung (*confined space*) tanpa mengikuti Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung yang dikeluarkan oleh JKKP; atau

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 21 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

6.11.1.1.4 Pengendalian bahan kimia bersifat toksik, meletup, amat mudah terbakar, karsinogen dan mudah terhakis tanpa kawalan risiko; atau

6.11.1.1.5 Apa-apa aktiviti yang berpotensi menyebabkan kemalangan maut, kecederaan parah atau bencana.

6.11.1.2 Pengeluaran notis ini menyebabkan PTW digantung secara serta merta dan tindakan pembetulan perlu segera dibuat.

6.11.1.3 Notis ini hanya boleh ditutup sekiranya HSEA SPP/PTJ atau UTM-OSHE berpuas hati dengan tindakan pembetulan yang diambil.

6.11.2 NOI


6.11.2.1 Notis ini dikeluarkan apabila UTM mendapati pelaksanaan kerja oleh kontraktor adalah tidak berisiko tinggi namun masih berpotensi menyebabkan kemalangan.

6.11.2.2 Notis ini tidak membatalkan PTW, namun begitu sekiranya notis ini dikeluarkan sebanyak tiga (3) kali atas ketidakpatuhan yang sama, NOP boleh diberikan kepada kontraktor.

6.12 Pemantauan KKP di Tapak Projek

6.12.1 Pemantauan tapak projek akan dilaksanakan oleh HSEA SPP/PTJ atau UTM-OSHE dari semasa ke semasa bagi menilai kepatuhan kontraktor terhadap aspek KKP.

6.12.2 Kekerapan pemantauan adalah bergantung kepada risiko atau tempoh kerja. Sekurang-kurangnya satu (1) pemantauan akan dibuat ke atas projek kontraktor oleh HSEA SPP/PTJ atau UTM-OSHE secara berkala.

	Jenis Dokumen: PROSEDUR	Tajuk: PENGURUSAN KONTRAKTOR	Nombor Dokumen UTMOSHE-P0912-PPK
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTM-OSHE		Muka Surat : 22 of 22
			Versi : 01
			Tarikh : 15 September 2022

7.0 BORANG & LAMPIRAN

No	Kod	Nama Borang & Lampiran
1.	UTMOSHE-P0912-F01-BPK	Pengisytiharan Kontraktor
2.	UTMOSHE-P0912-F02-PTW	Borang Permit Melaksanakan Kerja (PTW)
3.	UTMOSHE-P0912-F03-WEC	<i>Contractor - OSH Compliance at Worksite Evaluation Checklist</i>
4.	UTMOSHE-P0912-F04-NOP	Notis Berhenti Kerja Kontraktor (NOP)
5.	UTMOSHE-P0912-F05-NOI	Notis Penambahbaikan Kontraktor (NOI)
6.	UTMOSHE-P0912-F06-SSP	Senarai Semak Pemantauan Dokumen Kontraktor
7.	UTMOSHE-P0912-A01-KKP	Penerangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
8.	UTMOSHE-P0912-A02-CPK	Carta Alir Proses Kerja Pengurusan Kontraktor oleh PTJ

8.0 RUJUKAN FAIL INDUK (UTM-OSHE)

Bil	Nama Fail	Kod Fail Induk
1.	Sistem Keselamatan (PTW)	UTM.J.17.04.10.10/9
2.	Arahan	UTM.J.17.04.10.11/1
3.	Arahan Pemberhentian Kerja - SWO	UTM.J.17.04.10.11/1/5
4.	ISO 45001:2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	UTM.J.17.04.10.14/163/27